

National Seminar Memperkasakan Sistem Pendidikan, Puteri Pan-Pacific, Johore bahru, 19-21 October 2003

HUBUNGAN ANTARA LOKUS KAWALAN DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK DI KALANGAN PELAJAR-PELAJAR SEKOLAH MENENGAH TEKNIK

Prof. Madya Dr. Azizi Hj. Yahaya
Abdul Razak Zaiden
UTM Skudai
Sharifudin Ismail
Zanariah Abdul Rahman
Jabatan Pengurusan Pemasaran
Fakulti Pengurusan Perniagaan
Universiti Teknologi Mara
Cawangan Segamat
85000, Johor

ABSTRAK Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti Lokus Kawalan di kalangan pelajar-pelajar aliran Teknik dan aliran Vokasional, Sekolah Menengah Teknik Segamat. Di samping itu, hubungan antara Lokus Kawalan dengan pencapaian akademik pelajar juga dilihat. Perbezaan lingkungan Lokus Kawalan pelajar pula dikaji berdasarkan beberapa ciri-ciri demografi seperti kursus, jantina, pencapaian akademik dan sosio ekonomi. 85 orang pelajar aliran Teknik dan 67 orang pelajar aliran Vokasional telah dipilih sebagai sampel kajian ini. Kajian rintis juga telah dijalankan ke atas 10 orang responden. Satu set soal selidik telah digunakan di dalam kajian ini. Perisian *Statistical Packages for Social Sciences* (SPSS) versi 10.0 digunakan untuk mengenal pasti tahap Lokus Kawalan pelajar berdasarkan min. Kolerasi Pearson digunakan untuk melihat hubungan antara Lokus Kawalan dengan pencapaian akademik pelajar. Ujian-T dan ANOVA sehalu pula digunakan untuk melihat perbezaan Lokus Kawalan pelajar berdasarkan ciri-ciri demografi responden. Hasil kajian bagi persoalan kajian pertama menunjukkan perbezaan peratusan yang kecil berkaitan Lokus Kawalan pelajar-pelajar aliran Teknik dan aliran Vokasional. Persoalan kajian kedua menunjukkan tidak terdapat hubungan antara Lokus Kawalan dengan pencapaian akademik. Bagi persoalan kajian ketiga, hasil menunjukkan tiada perbezaan Lokus Kawalan pelajar-pelajar yang berlainan kursus. Hasil kajian bagi persoalan kajian keempat menunjukkan tiada perbezaan Lokus Kawalan di kalangan pelajar yang berlainan jantina dan persoalan kajian kelima pula menunjukkan tidak terdapat perbezaan Lokus Kawalan di kalangan pelajar-pelajar berlainan sosio ekonomi. Daripada hasil dapatan yang diperolehi, secara keseluruhannya tahap Lokus Kawalan tidak mempengaruhi pencapaian akademik dan ianya pula tidak dipengaruhi oleh ciri-ciri demografi pelajar.

Pendahuluan

Kejayaan akademik bukanlah faktor tunggal untuk memastikan seseorang pelajar berjaya di dalam kehidupan. Bagaimanapun, pemikiran terhadap kepentingan

pendidikan adalah amat perlu. Bagi mencapai salah satu matlamat Wawasan 2020 seperti yang telah diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir bin Mohamed, iaitu untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020 nanti, kerajaan telah menjadikan pendidikan sebagai pemangkin ke arah matlamat tersebut. Ini bertepatan dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, menyediakan tenaga kerja yang berketrampilan dan intelektual serta berkeupayaan menghadapi masa depan.

Proses pendidikan tidak hanya terhenti di dalam bilik darjah sahaja malah manusia sentiasa perlu belajar sehingga ke akhir hayat. Barulah kejayaan dan kecemerlangan akan sentiasa berada dalam genggaman (Muhammad Kamil dan Nasrudin, 1999). Peringkat awal mengukur kejayaan seseorang pelajar adalah melalui pencapaian akademik pelajar tersebut. Melalui pencapaian akademik, keupayaan kognitif seseorang individu dapat diukur dan dianalisis. Namun begitu, menurut Marimuthu (1990) pencapaian akademik pelajar dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti diri sendiri, keluarga, persekitaran sekolah dan rakan sebaya.

Terdapat dua jenis Lokus Kawalan iaitu Lokus Kawalan Dalaman (LK-D) dan Lokus Kawalan Luaran (LK-L). Menurut Hersch dan Scheibe, (1967) dalam Pfeiffer (1994), dari konteks akademik, individu yang mempercayai bahawa sifat diri yang berkebolehan, gigih berusaha, berdikari, efektif, aktif dan berkeyakinan adalah faktor utama punca kejayaan dan kegagalannya dikatakan mempunyai LK-D. Manakala individu yang mempercayai sesuatu kejayaan atau kegagalan yang telah berlaku ke atas dirinya adalah berpunca dari sebab individu-individu lain yang lebih berkuasa seperti guru, pengetua, ketua jabatan dan sebagainya, takdir, nasib, keadaan persekitaran, selain daripada faktor-faktor luaran yang lain dikatakan memiliki LK-L.

Melalui kajian-kajian yang telah dilakukan sebelum ini, kedua-dua LK-L dan LK-D memainkan peranan tersendiri kepada pencapaian seseorang. Dari sudut pencapaian akademik, seandainya terlalu bergantung kepada faktor luaran seperti memenuhi kehendak keluarga, guru-guru, ingin bersaing dengan rakan sekelas, takut kepada kegagalan dan lain-lain, seseorang pelajar tiada motivasi sendiri untuk berjaya. Situasi ini akan mendatangkan kesan negatif kepada pelajar apabila menempuh alam pengajian yang lebih tinggi dan seterusnya alam pekerjaan nanti, kerana mereka terlalu mengharapkan faktor luaran untuk mencapai sesuatu yang diinginkan. Walaubagaimanapun, ini tidak bermaksud bahawa LK-L tiada langsung kepentingan dalam pencapaian akademik. Seseorang pelajar yang ingin mencapai kejayaan akademik juga memerlukan sokongan daripada faktor-faktor luaran seperti memenuhi syarat serta undang-undang sekolah, doa daripada ibu bapa, suasana persekitaran tempat belajar dan sebagainya.

Pernyataan Masalah

Sememangnya ciri-ciri tersebut merupakan ciri-ciri LK-D. Ini bermakna, LK-D adalah faktor utama ke arah pencapaian akademik yang cemerlang. Seseorang pelajar mudah untuk menyalahkan sesuatu atau seseorang seandainya mendapat pencapaian yang rendah, seperti penerangan guru yang kurang jelas, soalan ujian atau peperiksaan yang sukar dan sebagainya. Mereka percaya bahawa faktor luaran mempengaruhi kegagalan mereka dan mereka tidak mampu untuk menghalangnya.

Orientasi Lokus Kawalan sangat penting. Jika pelajar tidak menyedari bahawa apa yang diperolehi adalah kesan atau reaksi dari usaha mereka sendiri, pelajar akan kurang bersedia dan tidak berusaha ke arah mencapai kejayaan. Sebaliknya, pelajar akan berusaha keras seandainya mereka menyedari dan yakin bahawa faktor yang menentukan kejayaan adalah diri mereka sendiri.

Berdasarkan kepada keadaan bahawa LK-D merupakan antara faktor terpenting dalam peningkatan akademik seseorang pelajar, penyelidik ingin membuat kajian apakah orientasi Lokus Kawalan pelajar-pelajar di peringkat sekolah menengah, LK-D atau LKL. Seterusnya penyelidik ingin mengkaji sama ada terdapat hubungan antara Lokus Kawalan Dalaman atau Luaran dengan pencapaian akademik khususnya di kalangan pelajar-pelajar Tingkatan Lima Sekolah Menengah Teknik Segamat, Johor.

Objektif Kajian

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk mencapai beberapa objektif. Antara objektif yang menjadi panduan di sepanjang kajian ini dilakukan adalah seperti berikut :

- 1.4.1 Untuk mengenal pasti lokus kawalan pelajar-pelajar aliran Teknik dan aliran Vokasional dalam lingkungan pencapaian akademik tinggi atau rendah berdasarkan keputusan Peperiksaan Percubaan Sijil Pelajaran Malaysia tahun 2002.
- 1.4.2 Untuk mengetahui sama ada terdapat hubungan antara lokus kawalan dengan pencapaian akademik pelajar.
- 1.4.3 Untuk mengetahui sama ada terdapat perbezaan lingkungan lokus kawalan di antara pelajar-pelajar yang berlainan jantina.
- 1.4.4 Untuk mengetahui sama ada terdapat perbezaan lingkungan lokus kawalan di antara pelajar-pelajar berdasarkan sosio-ekonomi seperti tempat kediaman, pendapatan bapa dan bilangan adik-beradik di dalam keluarga.

Batasan Kajian

Kajian ini dilakukan di Sekolah Menengah Teknik Segamat, Johor. Penyelidik memilih sekolah ini untuk dijadikan tempat menjalankan kajian kerana merasakan bahawa kalangan responden yang dipilih dapat memenuhi objektif kajian ini. Pelajar-pelajar yang berada di sekolah ini terdiri daripada berbagai-bagai latar belakang sosioekonomi. Terdapat pelajar yang asal kediamannya daripada kampung, felda, pekan dan bandar. Seterusnya, penjaga pelajar memperoleh pendapatan dari berbagai-bagai sumber, seperti peneroka, petani, pekebun kecil dan lain-lain punca pendapatan.

Rekabentuk Kajian

Kaedah kajian yang dijalankan ini adalah kajian berbentuk deskriptif. Menurut

Van Dalen (1979) di dalam Ng B.G. (1996), kajian berbentuk deskriptif dapat menerangkan fenomena dengan menganalisis data deskriptif yang diperolehi daripada soal selidik dan media-media lain. Van Dalen juga menambah bahawa fenomena ini boleh dikenal pasti dengan mengkaji perbandingan dan hubungan antara pemboleh ubah. Pendekatan tinjauan digunakan untuk melihat perbezaan orientasi lokus kawalan sama ada lokus kawalan dalaman (LK-D) atau lokus kawalan luaran (LK-L) pelajar-pelajar tingkatan lima Sekolah Menengah Teknik Segamat, Johor, serta hubungannya dengan pencapaian akademik pelajar-pelajar tersebut.

Kajian Rintis

Bagi menentukan kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik yang telah dibina, satu kajian rintis dijalankan terhadap 10 orang responden di kalangan pelajar-pelajar Tingkatan 5 Sekolah Menengah Teknik Segamat yang dipilih oleh pengkaji. 5 responden terdiri di kalangan pelajar lelaki dan 5 lagi responden daripada pelajar perempuan. Tujuan kajian rintis dijalankan adalah untuk menguji kefahaman responden terhadap item-item yang dibina dan untuk memperolehi tahap kesahan dan kebolehpercayaan setiap item instrumen. Penyelidik boleh mengubahsuai struktur soal selidik sekiranya didapati perlu diperbaiki sebelum kajian sebenar dijalankan. Kajian rintis yang diadakan berjalan dengan lancar dan pelajar tidak menghadapi masalah untuk memahami item-item yang diberikan. Daripada kajian rintis yang telah dilakukan, item yang dibina oleh penyelidik mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu dengan nilai Alpha adalah 0.82. Dengan itu, penyelidik telah menggunakan item-item yang sama untuk tujuan kajian sebenar.

Sampel Kajian

Sampel sasaran bagi kajian ini terdiri daripada 85 orang pelajar daripada aliran teknik dan 67 orang pelajar daripada aliran vokasional. Responden yang dipilih adalah secara rawak mudah seramai 152 orang. Pelajar-pelajar aliran teknik terdiri daripada pelajar Pengajian Kejuruteraan Elektrik (PKE), Pengajian Kejuruteraan Jentera (PKJ) dan Pengajian Kejuruteraan Awam (PKA). Manakala bagi aliran vokasional pula, pelajar-pelajar terdiri daripada pelajar Elektrik (EK), Elektronik (EN), Automotif (Auto), Amalan Bengkel Mesin (ABM), Penyejukan dan Penyamanan Udara (PPU), Binaan Bangunan (BB) dan Kimpalan dan Fabrikasi Logam (KFL).

Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, soal selidik digunakan oleh penyelidik sebagai instrumen kajian. Menurut Mohd Majid (1994), soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan dalam penyelidikan pendidikan. Soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat yang tepat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan dan sebagainya. Soal selidik adalah lebih praktikal dan berkesan dalam mencapai tujuan penyelidikan dengan perbelanjaan yang sederhana. Soal selidik dibina sendiri oleh penyelidik berdasarkan objektif-objektif kajian.

Rumusan Dapatan

Tahap Lokus Kawalan Pelajar-pelajar Aliran Teknik Dan Aliran Vokasional Berdasarkan Pencapaian Akademik

Hasil daripada analisis data yang telah dijalankan, penyelidik mendapati 68 peratus iaitu seramai 58 orang pelajar aliran Teknik berada pada tahap orientasi LK-D, manakala 31.8 peratus iaitu seramai 27 orang pelajar lagi adalah pada tahap LK-L. Hasil daripada dapatan juga mendapati 65.6 peratus iaitu seramai 44 orang pelajar aliran Vokasional berada pada tahap LK-D dan selebihnya 34.4 peratus iaitu seramai 23 orang pelajar adalah dalam lingkungan LK-L. Di sini dapat diperhatikan bahawa tidak terdapat perbezaan peratusan yang besar berkaitan tahap Lokus Kawalan sama ada LK-D atau LK-L antara pelajar-pelajar aliran Teknik dan aliran Vokasional di Sekolah Menengah Teknik Segamat, Johor.

Dari aspek pencapaian akademik pula, di dapati 69.4 peratus iaitu seramai 59 orang pelajar aliran Teknik mendapat pencapaian akademik yang tinggi di dalam Peperiksaan Percubaan SPM, manakala 30.6 peratus atau seramai 26 orang pelajar lagi memperolehi keputusan yang rendah. Bagi pelajar-pelajar aliran Vokasional pula, 20.9 peratus iaitu seramai 14 orang pelajar memperolehi pencapaian yang tinggi, dan selebihnya 79.1 peratus atau seramai 53 orang mendapat keputusan yang rendah. Dari dapatan kajian tersebut, peratusan bilangan pelajar aliran Teknik yang memperolehi pencapaian akademik tinggi adalah sangat tinggi jika dibandingkan dengan pelajar-pelajar aliran Vokasional. Penyelidik mengandaikan bahawa pelajar-pelajar aliran Teknik yang lebih memiliki tahap LK-D memperoleh pencapaian akademik yang lebih tinggi, manakala pelajar-pelajar aliran Vokasional yang lebih menjurus ke arah LK-L pula memperoleh pencapaian akademik yang rendah.

Hubungan Antara Tahap Lokus Kawalan Dengan Pencapaian Akademik

Berdasarkan analisis data yang telah dijalankan, 67.1 peratus pelajar adalah dalam lingkungan LK-D dan 32.9 peratus pelajar lagi pada tahap LK-L. Bagi pencapaian akademik pula, 29.0 peratus memperolehi pencapaian akademik yang rendah, 49.3 peratus pelajar mendapat keputusan yang sederhana dan 21.7 peratus pelajar memperolehi pencapaian akademik yang tinggi. Daripada analisis untuk melihat hubungan di antara Lokus Kawalan dengan pencapaian akademik pelajar, nilai signifikan yang diperolehi adalah 0.95 dan ianya adalah lebih besar daripada nilai Alpha 0.05. Ini menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap Lokus Kawalan pelajar dengan pencapaian akademik. Penyelidik mengandaikan bahawa walaupun Lokus Kawalan merupakan salah satu faktor ke arah peningkatan pencapaian akademik pelajar namun terdapat banyak lagi faktor yang lebih penting demi menjamin pencapaian akademik yang cemerlang seperti kaedah pengajaran guru, kaedah pembelajaran, tahap sosio ekonomi pelajar, usaha-usaha pihak sekolah dan lain-lain.

Namun begitu, rata-rata pelajar bersetuju bahawa usaha-usaha yang telah dijalankan oleh pihak sekolah seperti mengadakan kelas-kelas tambahan adalah amat penting bagi membantu mereka memperolehi pencapaian akademik yang tinggi. Di samping itu, walaupun dari aspek mempercayai bahawa pencapaian akademik mereka

adalah bergantung kepada diri mereka sendiri, namun pelajar sama ada daripada aliran Teknik mahupun Vokasional bersetuju bahawa dorongan ibu bapa adalah amat penting dalam meningkatkan pencapaian akademik mereka.

Perbezaan Orientasi Lokus Kawalan Pelajar-pelajar Aliran Teknik Dan Vokasional

Berdasarkan taburan responden berdasarkan tahap Lokus Kawalan, 58 orang pelajar yakni 68.2 peratus pelajar aliran Teknik berada pada tahap LK-D, manakala seramai 27 orang pelajar yakni 31.8 peratus pelajar lagi berada dalam lingkungan LK-L. Bagi pelajar-pelajar aliran Vokasional pula, seramai 44 orang pelajar yakni 65.6 peratus berada pada tahap LK-D dan selebihnya seramai 23 orang pelajar yakni 34.4 peratus berorientasikan LK-L.

Daripada analisis yang telah dijalankan, nilai signifikan adalah 0.083 dan nilai ini adalah lebih besar daripada nilai Alpha 0.05. Dengan itu dapatlah di buat kesimpulan bahawa tiada perbezaan yang signifikan di antara dua aliran pelajar di Sekolah Menengah Teknik Segamat iaitu aliran Teknik dan aliran Vokasional. Di sini dapat diperhatikan bahawa walaupun pelajar adalah daripada aliran yang berbeza, dan daripada taburan pencapaian akademik mereka juga adalah berlainan, di mana peratusan pelajar-pelajar aliran Teknik yang memperolehi pencapaian akademik adalah lebih tinggi daripada pelajar-pelajar aliran Vokasional, namun begitu lingkungan Lokus Kawalan mereka adalah sama.

Perbezaan Lingkungan Lokus Kawalan Di antara Pelajar-pelajar Yang Berlainan Jantina

Daripada analisis kajian yang telah dijalankan, nilai signifikan yang diperolehi adalah 0.484, di mana nilai ini adalah lebih besar berbanding nilai Alpha 0.05. Dengan itu bolehlah di buat anggapan bahawa tiada perbezaan yang signifikan tahap Lokus Kawalan di antara pelajar-pelajar berlainan jantina.

Perbezaan Lingkungan Lokus Kawalan Di kalangan Pelajar-pelajar Yang Berlainan Sosio ekonomi

Dari aspek sosio ekonomi, penyelidik telah membahagikannya kepada 3 faktor iaitu faktor kawasan tempat tinggal, pendapatan bapa dan bilangan adik-beradik di dalam keluarga. Bagi faktor tempat tinggal, nilai signifikan yang diperolehi oleh penyelidik adalah 0.171. Nilai signifikan ini adalah lebih tinggi daripada nilai Alpha 0.05. Dengan itu penyelidik menganggap bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap Lokus Kawalan dengan kawasan tempat tinggal pelajar-pelajar sama ada yang tinggal di kampung tradisi, kampung nelayan, felda, pekan, taman perumahan, badar dan bandaraya. Ini bermakna walau di mana kawasan tempat tinggal pelajar, tahap orientasi mereka tidak terdapat perbezaan yang signifikan.

Bagi faktor pendapatan bapa pula, nilai signifikan yang diperolehi adalah 0.553, dan nilai adalah lebih tinggi nilai Alpha iaitu 0.05. Di sini, penyelidik telah membuat kesimpulan bahawa tiada terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap Lokus Kawalan dengan pendapatan bapa bagi setiap pelajar. Dapatan kajian ini adalah berbeza dengan dapatan yang diperolehi oleh Siti Noor Yaakob (1990), yang mendapati

pendapatan keluarga merupakan faktor utama yang mempengaruhi pembelajaran dan pencapaian akademik pelajar-pelajar. Bagi beliau faktor pendapatan keluarga ini menggambarkan bahawa ibu bapa perlu menyediakan peralatan dan kemudahan yang lengkap kepada anak-anak mereka untuk mencapai kejayaan.

Seterusnya untuk faktor bilangan adik-beradik di dalam keluarga, nilai signifikan yang diperolehi adalah 0.669. Nilai signifikan yang diperolehi ini adalah lebih besar daripada nilai Alpha iaitu 0.05. Dengan itu penyelidik telah membuat tanggapan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap Lokus Kawalan dengan bilangan adik-beradik di dalam keluarga pelajar.

Rumusan

Berdasarkan kepada dapatan kajian dan perbincangan yang telah dilakukan, penyelidik telah mengenal pasti dan memperolehi beberapa kesimpulan daripada kajian yang telah dijalankan ini. Bagi menentukan tahap Lokus Kawalan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Teknik Segamat, Johor berdasarkan peratusan, pada keseluruhannya para pelajar, sama ada pelajar aliran Teknik mahupun aliran Vokasional adalah pada tahap LK-D. Namun begitu dari segi min, tahap LK-D pelajar-pelajar aliran Teknik dan aliran Vokasional Sekolah Menengah Teknik Segamat, Johor adalah rendah iaitu pada nilai min 1.5914.

Melihat kepada hubungan antara tahap Lokus Kawalan dengan pencapaian akademik pula, hasil kajian mendapati tidak terdapat hubungan di antara tahap Lokus Kawalan dengan pencapaian akademik pelajar. Walaupun terdapat perbezaan yang ketara dari segi peratusan pencapaian akademik yang tinggi di antara pelajar-pelajar aliran Teknik dan aliran Vokasional, namun antara kedua-dua aliran tersebut, tahap LK-D dan LK-L pelajar adalah pada nilai peratusan yang tidak banyak perbezaan.

Tidak terdapat perbezaan di antara tahap Lokus Kawalan pelajar-pelajar aliran Teknik dan aliran Vokasional. Nilai peratusan tahap Lokus Kawalan di antara pelajar kedua-dua tersebut tidak pada nilai perbezaan yang ketara. Di samping itu, rata-rata pelajar bersetuju bahawa langkah-langkah yang telah dijalankan oleh pihak sekolah dapat mempengaruhi pencapaian akademik mereka dan begitu juga dengan faktor rakan-rakan yang dipercayai dapat menambah keyakinan diri mereka.

Dari aspek jantina, dapatan kajian mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan di antara tahap Lokus Kawalan dengan pelajar-pelajar yang berlainan jantina. Walaupun bilangan responden antara pelajar-pelajar lelaki dan perempuan adalah berbeza, namun nilai min pelajar antara kedua-dua jantina tidak banyak perbezaan iaitu pelajar lelaki pada nilai min 1.5975 dan pelajar perempuan pula pada nilai min 1.6101.

Faktor sosio-ekonomi merupakan antara faktor yang penting dalam mempengaruhi tahap Lokus Kawalan individu. Namun begitu hasil kajian yang diperolehi mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan di antara tahap Lokus Kawalan pelajar-pelajar yang berlainan sosio-ekonomi. Faktor-faktor yang dinilai oleh penyelidik di dalam kajian ini, iaitu faktor tempat tinggal, pendapatan bapa dan bilangan adik-beradik tidak menunjukkan perbezaan tahap Lokus Kawalan pelajar-

pelajar. Hanya pelajar yang tinggal di kawasan perkampungan nelayan sahaja yang berada pada tahap LK-L iaitu pada nilai min 1.4000.

Cadangan

Berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan, penyelidik ingin mengemukakan beberapa cadangan yang boleh dibuat pertimbangan bagi tujuan meningkatkan lagi tahap LK-D para pelajar sekolah-sekolah menengah teknik khususnya kepada pelajar-pelajar Sekolah Menengah Teknik Segamat, Johor.

- i. Kaunselor sekolah memainkan peranan yang penting dalam memperbaiki tahap LK-D para pelajar sekolah, terutama ke atas pelajar-pelajar yang lemah di dalam pencapaian akademik mereka.
- ii. Program-program yang telah dijalankan oleh pihak sekolah hendaklah dipertingkatkan dan sentiasa dikemaskini, terutama bagi program-program yang khusus untuk kecemerlangan pencapaian akademik, meninggikan tahap keyakinan diri, peningkatan disiplin dan menanam sikap berdikari.
- iii. Pihak pengurusan sekolah wajar mengenal pasti tahap Lokus Kawalan para pelajar, terutama kepada pelajar-pelajar yang rendah pencapaian akademiknya. Punca-punca pencapaian akademik yang rendah ini perlu diselidiki. Ini kerana pelajar-pelajar yang berada pada tahap LK-L adalah mereka yang kurang motivasi diri, di samping memerlukan sokongan daripada individu lain seperti guru dan rakan-rakan.
- iv. Pihak Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Negeri harus menganjurkan kursus dan bengkel-bengkel kepada guru-guru, terutama yang berkaitan dengan cara atau kaedah meninggikan tahap Lokus Kawalan para pelajar di sekolah.
- v. Pihak pengurusan sekolah hendaklah berganding bahu dengan masyarakat dengan cara memberi penerangan kepada ibu bapa pelajar berkenaan kepentingan perlunya tahap LK-D yang tinggi di kalangan para pelajar.
- vi. Perbincangan dan kaedah penyelesaian berkenaan Lokus Kawalan pelajar-pelajar ini perlu dilakukan dengan segera. Fokus perlu di utamakan kepada golongan pelajar yang tinggal di luar bandar dan kepada pelajar yang tidak tinggal di asrama.

Cadangan Untuk Kajian Masa Depan

Beberapa cadangan telah difikirkan oleh penyelidik untuk tujuan sebagai rujukan kepada kajian pada masa hadapan :

- i. Kajian ini hanya melibatkan responden di kalangan pelajar-pelajar di satu sekolah teknik sahaja. Maka dengan itu keputusan dapatan kajian yang

- diperolehi adalah terbatas dan tidak menggambarkan keadaan yang sama wujud di kalangan pelajar-pelajar di sekolah-sekolah teknik lain.
- ii. Pada kajian ini, penyelidik hanya mengkaji tahap Lokus Kawalan di antara pelajar aliran Teknik dan pelajar aliran Vokasional. Oleh itu pada masa akan datang, responden kajian haruslah dipilih daripada saiz populasi yang lebih besar untuk melihat tahap Lokus Kawalan daripada sampel yang berlainan seperti melihat perbezaan di antara kursus dan juga di antara tingkatan.
 - iii. Kajian berkenaan Lokus Kawalan ini juga perlu diluaskan skopnya, tidak hanya dijalankan di sekolah-sekolah malah boleh dijalankan di institut-institut pengajian tinggi, pusat-pusat pemulihan, syarikat atau organisasi dan sebagainya.
 - iv. Instrumen kajian yang digunakan oleh penyelidik iaitu soal selidik adalah dibina oleh penyelidik sendiri. Kemungkinan terdapat item-item yang tidak dapat mengukur tahap Lokus Kawalan para pelajar dengan tepat. Tahap kebolehpercayaan soal selidik perlu dipastikan bagi memastikan objektif kajian dapat dipenuhi.
 - v. Kajian ini menilai tahap Lokus Kawalan pelajar sama ada LK-D atau LK-L. Memandangkan dapatan kajian yang diperolehi tidak menunjukkan perbezaan tahap Lokus Kawalan pelajar-pelajar aliran Teknik dan Vokasional, penyelidik mencadangkan agar pada kajian akan datang, tahap LK-D responden dikaji iaitu dengan memberi penumpuan kepada ciri-ciri LK-D seperti berkeyakinan, bertanggung jawab, gigih berusaha, bermotivasi, berdikari dan sebagainya.

RUJUKAN

- Adam Mohd Zain (1998). *Hubungan antara konsep sendiri dengan pencapaian akademik pelajar-pelajar di sekolah menengah*. Jabatan Pendidikan Unit Bimbingan Dan Kaunseling. IPSI : Tanjong Malim
- Allen, B.P. (1997). *Personality Theories – Development, Growth and Diversity* (2nd ed.). Boston : Allyn and Bacon
- Amsia Jeganetsu (1984). *Ujian dan Penilaian*. DBP. : Kuala Lumpur. 6, 32 - 33
- Atan Long (1988). *Psikologi Pendidikan*. DBP : Kuala Lumpur. 10, 103 - 111
- Atkinson, J.W. (1965). The mainsprings of achievement oriented activity. *Journal of Personality*. 24, 349-367
- Awang Had Salleh (1986). Ke arah pencapaian akademik yang cemerlang di kalangan pelajar-pelajar bumiputera melalui kaunseling. *Seminar ke 2 Kaunseling*. Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia

Bar-Tal, D and Bar-Zohar, Y (1977). The relationship between perception of locus of control and academic achievement. *Contemporary Educational Psychology*. 2, 181-199

Wan Abdul Kader Wan Ahmad (1994). *Kaunseling Kelompok Berstruktur – Pengurangan Kebimbangan Sosial*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wan Rafaei Abdul Rahman (1976). Locus of Control of Reinforcement of Malays And Australian Secondary School Students. *Jurnal Pendidikan*. 4, 1-4

Wollman, B.B. (1969). *Dictionary of Behavior Science*. New York : Rinehart & Winston